



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتِنِ هَالِ اَلْاِخْوَالِ اَلْاِسْلَامِ نِغَرِي سَابَاهِ

## KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

27 RABIULAWAL 1445H/ 13 OKTOBER 2023M

### Derma Organ: Erti Sebuah Kehidupan

Disediakan oleh

Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Dengan Kerjasama

Kementerian Kesihatan Malaysia

#### Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK : 22/9/2023

PEGAWAI PENYEMAK :  
DATUK HAJI ABDUL MAJAP LAKARIBA  
TIMBALAN MUFTI  
KERAJAAN NEGERI SABAH

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA : 06/10/23

DIBACA PADA : .....

DILULUSKAN OLEH : .....

ADAM BIN ABDUL HAI  
Unit Baitul Hikmah  
Bahagian Penyelidikan Dan Informasi  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

## KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

...وَمَنْ أَحْيَاهَا فَكَأَنَّمَا أَحْيَا النَّاسَ جَمِيعًا (المائدة (5): 32)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَيَّ حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ  
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ .

### **MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,**

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru kepada sidang Jumaat yang dikasihi sekalian, marilah sama-sama kita bertaqwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar taqwa serta melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita diberkati di dunia dan di akhirat.

Pada Jumaat mulia ini mimbar akan membincangkan khutbah bertajuk: **'Derma Organ: Erti Sebuah Kehidupan'** .

### **Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah,**

Tidak ada istilah putus asa di dalam Islam. Sebagai makhluk yang diamanahkan oleh Allah SWT untuk mengimarahkan muka bumi, manusia seharusnya memanfaatkan akal fikiran yang dianugerahkan oleh Allah SWT bagi menyelesaikan sebarang masalah dan cabaran yang dihadapi. Ini termasuklah soal merawat penyakit. Usaha merawat penyakit ini

bertepatan dengan Hadith Sahih yang diriwayatkan daripada Usamah ibn Syarik, beliau berkata, sekumpulan orang Badawi berkata, *“Ya Rasulullah, bolehkah kami mendapatkan rawatan?”* Baginda menjawab, *“Ya boleh, wahai hamba-hamba Allah, dapatkanlah rawatan kerana sesungguhnya Allah tidak menurunkan sesuatu penyakit melainkan (Dia) menentukan pula untuknya penyembuhan atau ubat kecuali satu penyakit.”* Mereka bertanya, *“Wahai Rasulullah, apakah penyakit itu?”* Baginda bersabda, *“Penyakit tua.”*

(H.R : Al-Tirmidzi)

### **Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah,**

Bidang perubatan hari ini semakin moden apabila pemindahan organ menjadi suatu realiti. Kes kegagalan organ yang dahulunya membawa maut kini dapat dirawat dengan kaedah transplantasi atau pemindahan organ. Begitu juga di dalam kitab fiqh ulama salaf dan Imam-imam Mazhab, ada dibincangkan hukum berkaitan pemindahan organ kerana mereka berpandangan teknologi ini bakal menjadi kenyataan.

Khazanah fiqh Islam inilah yang menjadi asas kepada keharusan pendermaan organ. Malangnya dalam kalangan umat Islam, amalan derma organ menjadi terlalu asing berpunca dari banyaknya salah faham, adanya perasaan takut malah munculnya penolakan oleh sebilangan masyarakat.

### **Muslimin yang dirahmati Allah,**

Statistik terkini pendermaan dan pemindahan organ di Malaysia dari Pusat Sumber Transplan Nasional, Kuala Lumpur menunjukkan hanya terdapat 836 penderma organ kadarverik atau selepas kematian sejak 1976

sehingga Jun 2023. Daripada angka berkenaan hanya 111 orang penderma organ iaitu bersamaan 13% sahaja yang beragama Islam.

Jumlah ini adalah terlalu sedikit jika dibandingkan dengan jumlah pesakit kegagalan organ tahap akhir di negara ini. Berdasarkan jumlah terkini, terdapat 10,893 orang pesakit yang berada dalam senarai menunggu untuk mendapatkan organ baharu di Malaysia dan 10,863 orang pesakit iaitu bersamaan 99% dari jumlah senarai berkenaan sedang menunggu untuk mendapatkan buah pinggang baharu.

### **Muslimin yang dirahmati Allah,**

Pemindahan organ adalah penggantian organ yang berpenyakit dan rosak dengan organ atau tisu yang sihat dari penderma. Ia adalah rawatan **paling efektif** dalam kes kegagalan organ tahap akhir yang tiada alternatif rawatan lagi. Terdapat banyak bukti dalam bidang perubatan menunjukkan pemindahan organ yang telah dilaksanakan sehingga mencapai 95% kadar kejayaan. Sesungguhnya organ yang didermakan memberi manfaat besar kepada ramai insan dari sudut menyelamatkan nyawa dan meningkatkan kualiti hidup pesakit.

Di sisi Islam, penderma organ adalah dianggap membuat kebajikan yang besar sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Maidah ayat ke 32:

مِنْ أَجْلِ ذَلِكَ كَتَبْنَا عَلَىٰ بَنِي إِسْرَائِيلَ أَنَّهُ مَنْ قَتَلَ نَفْسًا بِغَيْرِ نَفْسٍ أَوْ  
فَسَادٍ فِي الْأَرْضِ فَكَأَنَّمَا قَتَلَ النَّاسَ جَمِيعًا وَمَنْ أَحْيَاهَا فَكَأَنَّمَا  
أَحْيَا النَّاسَ جَمِيعًا وَلَقَدْ جَاءَتْهُمْ رُسُلُنَا بِالْبَيِّنَاتِ ثُمَّ إِنَّ كَثِيرًا مِنْهُمْ  
بَعَدَ ذَلِكَ فِي الْأَرْضِ لَمُسْرِفُونَ ﴿٣٢﴾

**Maksud:** *“Dengan sebab (kisah pembunuhan kejam) yang demikian itu kami tetapkan atas Bani Israil, bahawasanya sesiapa yang membunuh seorang manusia dengan tiada alasan yang membolehkan membunuh orang itu, atau (kerana) melakukan kerosakan di muka bumi, maka seolah-olah dia telah membunuh manusia semuanya; dan sesiapa yang menjaga keselamatan hidup seorang manusia, maka seolah-olah dia telah menjaga keselamatan hidup manusia semuanya. Dan demi sesungguhnya, telah datang kepada mereka Rasul-rasul kami dengan membawa keterangan yang cukup terang; kemudian, sesungguhnya kebanyakan dari mereka sesudah itu, sungguh-sungguh menjadi orang-orang yang melampaui batas (melakukan kerosakan) di muka bumi.”.*

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Dari sudut perspektif agama, transplantasi dan derma organ telah dibenarkan oleh ulama dengan Ijtihad Jama'ie melalui Majlis Fatwa Kebangsaan dan Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri seawal tahun 1970 lagi termasuk dari institusi antarabangsa seperti Majma' Fiqh Islami dan Lajnah Da'imah Arab Saudi. Seharusnya tiada keraguan di sisi Muslim meneruskan niat bagi menderma organ, setelah menepati syarat-syarat ketat yang telah digariskan oleh syarak.

Pada umumnya syarak telah membenarkan organ-organ yang boleh didermakan adalah seperti buah pinggang, jantung, hati dan paru-paru. Tisu-tisu yang boleh didermakan pula adalah mata, tulang, kulit dan injap jantung.

Pemindahan organ dibenarkan Syarak atas alasan 'menjaga nyawa' dalam Maqasid (matlamat) Syariah yang lima; iaitu menjaga agama, nyawa, akal,

keturunan dan harta. Oleh yang demikian, melalui pendermaan organ ini, pesakit akan mendapat peluang kedua untuk menjalani kehidupan sebagai hamba Allah dengan lebih baik di dunia ini. Dahulunya mereka yang menjalani dialisis mempunyai kesukaran untuk mengerjakan ibadah seperti umrah dan haji kerana kekangan rutin rawatan tersebut.

Ramai pesakit mengalami masalah kewangan berikutan kos rawatan yang begitu tinggi. Sebagai contoh kos bagi setiap sesi dialisis adalah RM300 dan ianya perlu dilakukan sebanyak tiga (3) kali setiap minggu seumur hidup. Ini bermaksud setiap minggu sebanyak RM900 diperlukan manakala jika dihitung secara bulanan pula, kos sebanyak RM3600 perlu diperuntukkan untuk dialisis sahaja. Jumlah ini tidak termasuk kos pengangkutan, ubat-ubatan, makan minum dan sebagainya semasa menjalani rawatan. Tanpa kesedaran terhadap pendermaan organ ini juga akan mengundang kepada aktiviti pemerdagangan organ secara haram yang merupakan satu kesalahan dan jenayah di sisi undang-undang.

Namun dengan adanya kesedaran dan ikhtiar melalui pemindahan organ ini, para pesakit tidak lagi perlu mengeluarkan kos rawatan yang tinggi dan insyaAllah dengan izin-Nya jua kehidupan mereka akan menjadi lebih baik setelah menjalani pemindahan organ tersebut.

### **Muslimin yang dirahmati Allah,**

Banyak bukti kejayaan pemindahan organ yang dilaksanakan di Malaysia telah memberi sinar kehidupan yang baharu kepada pesakit. Mereka ini bukan sahaja dapat menjalani kehidupan dengan lebih baik, malah dapat mengerjakan ibadah harian dengan mudah selepas menjalani pemindahan organ tersebut. Ia jelas menunjukkan pendermaan organ amat bererti

kepada sebuah kehidupan, penerima organ dan penderma organ dapat menyelamatkan beberapa orang pesakit.

Justeru, Mimbar ingin melontarkan beberapa persoalan kepada sidang Jumaat sekalian.

(1) Berapa banyakkah pendapatan bulanan diperlukan seseorang jika RM3600 setiap bulan digunakan untuk keperluan dialisis sahaja?

(2) Apakah perasaan kita, sekiranya pesakit yang memerlukan pemindahan organ ini terdiri dalam kalangan ibubapa, adik beradik, saudara mara, pasangan, anak-anak atau diri kita sendiri?

(3) Dimanakah rasa sensitiviti kita terhadap kepayahan, keperitan dan penderitaan saudara seagama kita yang sedang diuji dengan kegagalan organ ini?

### **Muslimin yang dirahmati Allah,**

Oleh yang demikian, Kementerian Kesihatan Malaysia menyeru orang ramai untuk tampil ke hadapan menjadi penderma organ terutama kepada mereka yang mempunyai ahli keluarga yang sedang mengalami kegagalan organ tahap akhir. Tiada proses pemindahan organ boleh dilaksanakan jika tiada penderma organ. Dalam arus perdana dunia tanpa sempadan, pelbagai informasi berkaitan pendermaan organ yang tepat boleh diperolehi dengan mudah melalui laman sesawang [www.dermaorgan.gov.my](http://www.dermaorgan.gov.my) dan proses pendaftaran sebagai pengikrar derma organ juga kini boleh dibuat menerusi aplikasi MySejahtera.

### **Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah,**

Menyimpul khutbah hari ini, marilah kita sama-sama menghayati pengajaran dari khutbah ini:

1. Kita hendaklah yakin bahawa Islam adalah agama yang bersifat dinamik dalam perkara-perkara tertentu demi kepentingan ummah khususnya dalam isu pendermaan organ.
2. Para penderma organ akan menerima ganjaran yang besar di sisi Allah S.W.T di dunia dan akhirat.
3. Para penerima akan mendapat manfaat yang besar dalam meneruskan kehidupan seharian.

Firman Allah SWT dalam surah al-Maidah ayat 2:

... وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

**Maksudnya:** “Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksaNya.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## تیک س خطبہ کدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ،  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ  
بِالصَّلَاةِ وَالنَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.  
اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنْ التَّابِعِينَ  
وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ  
الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.  
اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَيْنَا وَعَلَى  
مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سِرِي قَادُوك بَكِينِدَا يَغْ دَفَرْتَوَانِ أَكُوغْ وَفَخَامَةَ

الرَّيْسِ الْأَعْلَى تَوَانِ يَغْ تَرَاوَتَامِ يَغْ دَفَرْتُوا نَكْرِي سَابِهِ . وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ  
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً ، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ .

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا  
بَطَّنَ ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً ، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً ، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ .

Ya Allah, selamatkanlah saudara-saudara kami kaum Muslimin Muslimat yang tertindas di bumi barakah khususnya Palestin, kasihanilah mereka dan limpahkan gugusan Rahmat-mu ke atas mereka. Keluarkan mereka dari kesempitan dan kesulitan serta porak perandakan kepungan musuh yang menindas mereka.

Ya Aziz Ya Jabbar, terimalah yang gugur dari kalangan saudara kami sebagai golongan syuhada yang mulia di sisi-Mu, kurniakan kesembuhan yang jatuh sakit dikalangan mereka, kurniakan keafiatan pada yang cedera.

Ya Allah, sesungguhnya kami meyakini engkau sentiasa Bersama mereka, maka hindarkan mereka daripada mara bahaya musuh yang sentiasa menentang mereka, hukumlah zionis yahudi yang melampaui batas yang melakukan kezaliman terhadap saudara kami tanpa kasihan belas. Musnahkanlah segala kekuatan yang mereka miliki, kerana mereka memang tidak berupaya melawan dan melemahkan kekuatan dan kekuasaan-Mu.

Ya Qawiyy wa Ya Qahhar, Engkau cerai beraikan ikatan antara mereka, porak perandakan kesatuan mereka serta gagalkanlah segala tipu daya serta perancangan jahat mereka khususnya puak zionis yahudi dan konco-konco yang membantu mereka.

Ya Rahman wa Ya Rahim, bantulah kami Umat Nabi Muhammad, Perbaiki serta Rahmatilah Umat Nabi Muhammad, Engkau pimpinlah dan bimbinglah kami ke jalan yang lurus yakni jalan yang engkau redai.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, dan keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .  
عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ  
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ .

\*\*\*\*

Disediakan dan diedar oleh:  
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

**NOTA:** Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi  
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah  
Tel: 088-522127 / [jheains.penerbitan@gmail.com](mailto:jheains.penerbitan@gmail.com)